

# ARB lancar Wills Online

AMANA H Raya Bhd (ARB) kelmarin melancarkan produk terbarunya, 'Wills Online' sempena Minggu Saham Amanah Malaysia (MSAM) anjuran Permodalan Nasional Bhd (PNB).

Pengarah Urusannya, Izham Yusoff, berkata 'Wills Online' ialah perkhidmatan lengkap penulisan wasiat dan ia adalah yang pertama ditawarkan di Malaysia.

Beliau berkata, 'Wills Online' yang meliputi penulisan wasiat bagi mereka yang beragama Islam dan bukan Islam itu dijangka menjadi tarikan kepada golongan profesional.

"Matlamat utama ARB memperkenalkan perkhidmatan ini ialah untuk memudahkan penulisan wasiat dengan adanya teknologi terkini. Selain itu, laman web akan mengandungi maklumat terkini

bagi memudahkan pemahaman mengenai wasiat dan penulisan wasiat dengan mudah dan berkesan," katanya.

Pengunjung ke MSAM 2004 yang sedang berlangsung di Kepala Batas, Pulau Pinang sehingga 26 April ini berpeluang mengunjungi gerai pameran ARB yang mana kakitangan syarikat itu bersedia menjawab sebarang soalan dan memberikan khidmat



nasihat percuma.

ARB, sebuah syarikat milik penuh kerajaan, sebelum ini dikenali sebagai Jabatan Pemegang Amanah Raya dan Pegawai Pentadbir Pusaka Malaysia, ditubuhkan pada 1921 dan diperbadankan pada 1995.

Ia menyediakan perkhidmatan pengurusan pewarisan, penyediaan, penyimpanan dan pelaksanaan wasiat, pentadbiran amanah serta pemegang amanah kepada 61 dana saham amanah bernilai lebih RM53 billion.

Syarikat itu juga bertindak sebagai pemegang amanah bagi bon dan pelbagai instrumen kewangan dan pelanggan.

Ia mudah dihubungi menerusi 20 cawangannya di seluruh negara.



**PERDANA Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menekan kekunci komputer melancarkan Wills Online sambil diperhatikan Izham (kiri).**